

NO. SOALAN: 313

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG
NYUK FOH
[SANDAKAN]**

TARIKH : -

SOALAN

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan semua penjanakuasa bebas (IPP) di Sabah mengikut kuasa yang dijana dan syarikat yang mengurus. memandangkan ada syarikat yang telah gagal menjanakankuasa mengikut kontrak yang ditentukan, apakah tindakan Kerajaan mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada masa ini, terdapat lapan Penjanakuasa Bebas (IPP) yang menjana sejumlah 944.1 MW kapasiti boleh harap (*dependable capacity*) bagi negeri Sabah. Jumlah itu merupakan 71.3% daripada keseluruhan penjanaan tenaga elektrik bagi negeri Sabah.
2. Pecahan IPP mengikut kapasiti penjanaan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Penjanakuasa Bebas di Sabah

No	Stesen	Kapasiti Boleh Harap (MW)
1	ARL Tenaga Sdn Bhd	22.7
2	Serudong Power Sdn Bhd	36.0
3	Stratavest Sdn Bhd	15.0
4	Ranhill Powertron 1 Sdn Bhd	195.4
5	Sepanggar Bay Power Corporation Sdn Bhd	100.0
6	Ranhill Powertron 2 Sdn Bhd	190.0
7	SPR Energy Sdn Bhd	100.0
8	Kimanis Power Sdn Bhd	285.0
	JUMLAH	944.1

Rujukan: *Sabah Electricity Supply Industry Outlook 2015*

3. Semua IPP tersebut menjalankan operasi berdasarkan kepada terma dan syarat yang ditetapkan di bawah syarat-syarat lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dengan pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB). Ia turut merangkumi pemantauan prestasi oleh pihak ST ke atas setiap stesen jana kuasa termasuk milik IPP bagi memastikan pematuhan dari segi kapasiti penjanaan dan keupayaan penjanaan secara berterusan. Dalam hal ini, sebarang pelanggaran syarat-syarat kontrak di bawah PPA berkaitan akan menyebabkan IPP berkenaan dikenakan tindakan penalti berdasarkan terma dan syarat yang ditetapkan.
4. Sebagai contoh, terdapat IPP yang telah ditamatkan operasi walaupun tempoh konsesi IPP tersebut masih belum berakhir. Sandakan Power Corporation (SPC) dan Sutera Harbour telah ditamatkan operasi masing-masing pada penghujung tahun 2011 dan 2013 ekoran kegagalan mereka untuk meneruskan operasi stesen jana kuasa masing-masing seperti yang termaktub di dalam PPA masing-masing. Tindakan membatalkan lesen penjanaan IPP tersebut telah dibuat oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

NO. SOALAN: 314

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT
@ WONG NYUK FOH
(SANDAKAN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan kos penyelenggaraan bagi dua kapal selam yang berpengkalan di Kota Kinabalu, Sabah setiap tahun. dan nyatakan perbelanjaan Kerajaan yang telah digunakan oleh dua kapal selam setiap tahun sejak pembelian kapal selam tersebut.

JAWAPAN:

Senggaraan kedua-dua buah kapal selam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dilaksanakan di bawah Kontrak *In Service Support* (ISS) yang dimeterai di antara Kerajaan dan Syarikat Boustead DCNS Naval Corporation (BDNC) dengan nilai Euro 193 juta dan RM 532 juta untuk tempoh selama 6 tahun sehingga 30 Nov 2015. Justeru, semasa kapal selam beroperasi, kos selenggaraan setahun bagi kedua-dua buah kapal selam ialah Euro 32.17 juta dan RM 88.67 juta.

Tempoh Kontrak ISS telah dilanjutkan selama 18 bulan bagi melanjutkan tempoh pengoperasian kedua-dua kapal selam sebelum menjalani rutin pasang pulih (refit) dengan penambahan nilai kontrak sebanyak Euro 24.982 juta dan RM 161.222 juta.